

*Penggunaan Bahan Sastera Untuk Meningkatkan
Kemahiran Berbahasa*

Norah Nordin

norah_nordin@moe.edu.sg

Norasiken Mohamed

norasiken_mohamed_noor@moe.edu.sg

Sekolah Perempuan Haig

Abstrak

Kemahiran berbahasa dan menulis murid didapati tidak begitu kukuh dan mantap. Kajian tindakan selama dua penggal ini dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis murid melalui penggunaan bahan Sastera Kanak-kanak. Projek ini bertujuan memperkasakan kemahiran berbahasa dan menulis pelajar melalui pendekatan pedagogi yang berstruktur dan membentuk mereka supaya berdikari. Menurut Teori Perkembangan Sosial Vygotsky, tahap perkembangan kognitif kanak-kanak dapat dipertingkatkan melalui bimbingan guru dan teman sedarjah. Oleh itu, guru mengajar berbagai aspek cerita secara eksplisit. Aktiviti yang menarik dan interaktif yang dijalankan dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan lisan murid. Strategi pembelajaran kooperatif, pengajaran berteraskan ICT, tugas berstruktur dan pelbagai tahap kemampuan digunakan. Alat penilaian formatif membantu menilai dan mengembangkan pembelajaran para pelajar. Melalui penilaian sumatif, kemahiran berbahasa dan menulis murid didapati telah meningkat. Strategi yang digunakan didapati berkesan dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru.

Kata Kunci: Sastera Kanak-kanak, kemahiran berbahasa, kemahiran menulis, strategi pembelajaran kooperatif, penilaian formatif dan sumatif, pembelajaran sendiri



PENGENALAN

Kajian tindakan yang dijalankan ini memberi tumpuan kepada penggunaan bahan sastera khususnya sastera kanak-kanak. Penggunaan bahan sastera kanak-kanak ini digunakan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis para pelajar. Menurut Prof. Madya Dr. Hadijah Rahmat (2006), bahan-bahan bacaan, termasuk karya sastera merupakan alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada kanak-kanak. Malah, buku sastera lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang berunsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Menurutnya lagi, peranan dan pengaruh sastera kanak-kanak dalam masyarakat tidak boleh diperkecilkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Bahan sastera kanak-kanak dipilih bagi kajian ini memandangkan pentingnya peranan sastera kanak-kanak dalam proses pembentukan pemikiran, emosi, imaginasi dan keperibadian kanak-kanak itu. Genre sastera kanak-kanak yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk novel, cerpen dan juga cerita rakyat. Memandangkan pengaruh kuat yang akan ditinggalkan oleh bahan-bahan sastera tersebut ke atas murid, beberapa aspek diambil kira apabila memilih bahan-bahan tersebut seperti cara pengarang menguasai teknik penulisan, kesedaran tentang keinginan dan keperluan murid, pengetahuan latar yang dikaitkan dengan cerita-cerita sejarah, dan juga kesedaran tentang kesan-kesan yang timbul dari penulisan tersebut. Aspek-aspek sastera yang disentuh termasuklah tema, plot cerita, watak-watak, stail mengarang dan sebagainya.

Kajian ini juga menggunakan strategi penilaian formatif dan strategi ini didapati berkesan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa murid dan tahap perkembangan pembelajaran dengan menggunakan alat-alat penilaian formatif yang sesuai. Di samping itu, penilaian sumatif juga diberikan perhatian dan digunakan bagi memantau tahap perkembangan serta pencapaian kemahiran menulis murid.



PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran berbahasa dan menulis murid didapati tidak begitu kukuh dan mantap. Oleh itu, penggunaan bahan yang menarik diharapkan akan dapat menarik minat murid yang biasanya tidak suka kepada aktiviti mengarang mungkin kerana lemah di dalam aspek-aspek tertentu.

Secara keseluruhannya, murid dapat menghasilkan karangan yang agak baik tetapi penguasaan bahasa mereka didapati lemah. Walaupun murid dapat menghasilkan karangan yang mengandungi jalan cerita serta isi yang agak baik, perkembangan jalan cerita serta isi karangan tersebut dirasakan boleh dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi.

Pengajaran yang dijalankan secara eksplisit juga menggunakan bahan-bahan yang berstruktur dan menyentuh pelbagai aspek melalui pendekatan yang mengemukakan plot cerita, watak, gaya mengarang serta aspek bahasa yang diharapkan akan dapat mengatasi masalah yang dikemukakan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis murid melalui pendekatan pedagogi yang berstruktur melalui penggunaan bahan sastera; dan
2. membentuk murid agar mempunyai daya untuk belajar secara sendiri.

Pendekatan ini menggunakan bahan sastera kanak-kanak sebagai bahan utama yang diharapkan dapat menarik minat murid.

Diharapkan juga bahan bacaan murid dapat diluaskan memandangkan pembacaan merupakan satu proses pemahaman idea dan proses interaktif atau konstruktif yang memerlukan pembaca menggunakan pengetahuan dan pengalaman mereka. Oleh yang demikian, amatlah diutamakan pembelajaran serta pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian kebolehan, gaya pembelajaran serta minat murid termasuklah pembelajaran yang memerlukan



murid saling bertukar-tukar pengalaman atau maklumat secara berkumpulan atau berpasangan dan mereka diberi peluang untuk menggunakan bahasa dengan cara yang lebih luas.


Melalui pendekatan sedemikianlah proses pembelajaran murid dapat ditingkatkan dan mereka akan dapat menghasilkan penulisan yang bermutu dan kreatif serta menunjukkan minat yang lebih baik ketika aktiviti mengarang dijalankan dan juga akan lebih berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Kejayaan kajian ini akan menentukan sama ada pendekatan ini akan diterapkan ke peringkat lain. Kejayaan kajian ini juga akan dapat dilihat melalui pencapaian keputusan murid dalam penilaian sumatif.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini memanfaatkan Teori Perkembangan Sosial Lev Vygotsky (1896 - 1934), yang menyentuh tentang zon perkembangan proksimal (ZPD) yang dikaitkan dengan perkembangan kognitif kanak-kanak yang dapat dipertingkatkan melalui bimbingan dan galakan daripada orang dewasa seperti guru dan juga daripada rakan sedarjah. Bantuan serta galakan guru dan rakan akan dapat meningkatkan prestasi pelajar, melebihi daripada kebolehan diri sendiri dan secara tidak langsung mencapai perkembangan peringkat potensi yang lebih tinggi. Perbezaan peringkat potensi individu ini terdapat di dalam lingkungan zon perkembangan proksimal (ZPD) seperti yang dijelaskan melalui rajah berikut.

Rajah 1: Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky (ZPD)



Menurut Vygotsky lagi, biasanya murid akan bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu tugas tetapi melalui latihan yang secukupnya, mereka akan dapat menyelesaikan tugas tersebut sendiri. Apabila penilaian dinamik dijalankan, guru akan dapat mengecam prestasi pencapaian pelajar apabila menyelesaikan tugas sendiri dan apabila mereka mendapat bantuan atau kerangka yang disediakan oleh guru seperti gesaan, petunjuk dan isyarat dan melihat bagaimana kanak-kanak itu bertindak balas. (Mok Soon Song, 2009: 38-39)

Satu lagi teori yang dimanfaatkan ialah Teori Ekologi oleh Urie Bronfenbrenner (1917). Menurut Bronfenbrenner, perkembangan kanak-kanak bergantung kepada pengaruh sosiobudaya antara kanak-kanak dan persekitaran. Menurutnya, terdapat lima sistem ekologi yang berasaskan kepada interaksi kanak-kanak dalam keluarga mereka dan di antara rakan sebaya serta orang dewasa yang terdekat, termasuklah juga pengaruh sosiobudaya keluarga dan komuniti tempatan.

Pengaruh-pengaruh tersebut ada kaitannya dengan perkembangan kanak-kanak termasuklah bagaimana pembelajaran kanak-kanak itu akan terangsang. Teori tersebut juga menyentuh tentang cara kanak-kanak berinteraksi dengan nilai, kepercayaan, harapan serta cara hidup dan budaya yang terdapat di sekitarnya.

Bahan sastera merupakan cerminan masyarakat ataupun refleksi kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh penulisnya. Unsur kreatif yang terdapat di dalam bahan tersebut pula diadun secara imajinasi bagi menimbulkan kesan langsung kepada khalayak pembaca. Dalam disiplin sastera, bahasa merupakan medium utama yang menjadi penghubung memancarkan idea yang ada untuk disebarkan kepada khalayak.

Kebolehan pengarang mengeksploitasi aspek bahasa yang sedia ada, diolah dan digubah mampu memaparkan fenomena sejagat secara matang dan berkesan dan karya sastera bukan sahaja merakamkan sesuatu yang luar biasa tetapi perkara yang biasa tetapi diolah dalam bentuk karya kreatif yang indah sifatnya. (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Asiah Abdul Rahman, 2011: 2-6). Justeru itu, bahan sastera kanak-kanak ini dirasakan akan



dapat merangsang minat pembelajaran murid khususnya bagi meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis mereka.

Penggunaan bahan ini juga akan membantu dalam proses pembelajaran murid keseluruhannya serta meningkatkan daya kognitif mereka. Mereka akan dapat melihat dan menganalisis kehidupan dan sekitaran dari perspektif yang berbeza. Aktiviti yang menarik dan interaktif yang dirancang akan dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan lisan pelajar termasuk penggunaan strategi pembelajaran koperatif, pengajaran berteraskan ICT, tugasan berstruktur dan pelbagai tahap kemampuan yang digunakan.

Strategi penilaian formatif yang digunakan dalam kajian ini membantu menilai dan mengembangkan kemahiran dan pembelajaran murid dengan berkesan. Menurut Dylan Williams, (2011), terdapat lima strategi yang menjadi kunci kepada penilaian formatif :

1. menjelaskan, berkongsi dan memahami objektif pembelajaran serta kriteria bagi kejayaan;
2. merancang, mengarah serta menjalankan perbincangan, aktiviti dan tugasan yang berkesan yang dapat membuktikan pembelajaran;
3. menyediakan maklum balas yang akan meningkatkan pembelajaran ke tahap seterusnya;
4. peranan aktif murid sebagai sumber pembelajaran bagi rakan sebaya; dan
5. murid memainkan peranan yang aktif dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka sendiri.

Pendekatan yang menggunakan penilaian formatif ini memastikan bahawa murid akan lebih melibatkan diri melalui pembelajaran yang aktif. Penggunaan penilaian sendiri dan rakan sebaya, interaksi bersama rakan serta maklum balas yang digunakan sebagai latihan dalam bermuhasabah akan menjadikan pembelajaran lebih berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Sejak awal tahun lagi guru telah mengenal pasti kajian yang akan dijalankan



berdasarkan prestasi murid Darjah 5 dalam ujian karangan pada Peperiksaan Akhir Tahun 2012. Walaupun mereka dapat menghasilkan karangan dengan isi yang agak baik, penguasaan bahasa mereka didapati begitu lemah. Oleh itu, satu kajian telah diusahakan dengan menggunakan bahan sastera kanak-kanak yang diharapkan akan dapat meningkatkan penguasaan berbahasa dan juga kemahiran menulis mereka. Kajian dijalankan bagi sebuah kelas sahaja dan memakan masa selama dua penggal.

Setiap minggu, perancangan dibuat bagi melaksanakan pengajaran, menilai dan memperbaiki pelajaran seterusnya. Guru juga mengambil kira tentang penilaian holistik yang digabungkan dalam pengajaran. Matlamat guru adalah untuk memastikan mutu karangan murid serta penguasaan bahasa mereka akan meningkat melalui pengajaran yang telah ditambah nilai.

Bahan sastera kanak-kanak telah disediakan lebih awal, iaitu buku yang bertajuk 'Doaku' yang dikarang oleh penulis tempatan, Encik Roslie Sidik. Murid dikehendaki membuat persiapan dengan membaca terlebih dahulu sebelum pengajaran dijalankan. Guru juga mengajar secara eksplisit dengan menyentuh aspek-aspek yang perlu diketahui murid seperti plot cerita, stail mengarang, watak-watak dalam cerita, bahasa yang digunakan, mesej yang hendak disampaikan oleh penulis serta perasaan murid terhadap cerita yang telah dibaca itu. Murid juga mencatatkan frasa-frasa serta kosa kata yang menarik di dalam buku nota khas mereka dan menggunakannya ketika mereka mengarang supaya dapat menghasilkan karangan yang lebih bermutu.

Guru juga menyentuh tentang teknik mengarang dengan baik serta membimbing murid menghasilkan karangan yang menarik dan kreatif. Strategi pembelajaran koperatif juga dijalankan oleh guru supaya murid akan lebih melibatkan diri semasa pengajaran dijalankan. Penggunaan ICT dapat membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Pengarang buku tersebut, Encik Roslie Sidik, telah diundang untuk mengadakan bengkel menulis secara kreatif bagi murid yang terlibat. Guru menjadi pemerhati dan melibatkan diri semasa bengkel tersebut dijalankan. Encik Roslie Sidik juga merupakan seorang guru yang berpengalaman dan penglibatannya dalam kajian ini sangat dihargai.



Murid dikehendaki membuat renungan atau refleksi tentang pengajaran yang telah dijalankan dan guru akan menerima maklum balas tentang pengajaran tersebut supaya boleh menjadi lebih berkesan lagi pada pengajaran seterusnya. Penilaian formatif dijalankan bagi memantau perkembangan dan pencapaian para murid melalui latihan berstruktur yang diberikan mengikut tahap keupayaan murid. Alat-alat penilaian formatif seperti rubrik, borang renungan, senarai semak dan sebagainya telah digunakan semasa penilaian sendiri ataupun bersama rakan sebaya. Aktiviti-aktiviti yang menarik dan interaktif yang dijalankan guru dapat meningkatkan daya kreativiti murid. Hasil karya murid yang cemerlang dikumpulkan dan dijadikan contoh kepada murid lain supaya mereka dapat belajar melalui rakan-rakan mereka.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 30 orang murid Darjah 6 tahun 2013. Murid tersebut didapati mempunyai latar belakang yang berbeza. Terdapat murid yang berbangsa Serani dan juga India yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa Ibunda mereka di dalam kumpulan tersebut.

Instrumen Kajian

Teknik pengumpulan data yang bersifat kuantitatif dilaksanakan dalam kajian ini. Instrumen kajian seperti borang renungan dan temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat. Kaedah penyelidikan kajian ini menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif, iaitu melalui pemerhatian dan pemantauan murid dan juga menganalisis data keputusan peperiksaan murid.

Prosedur Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan menggunakan bahan kajian yang pernah dilaksanakan sebagai rujukan. Kaedah penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian oleh guru Bahasa Melayu lain. Selain itu, reka bentuk kajian kualitatif yang berbentuk naratif turut digunakan. Guru Bahasa Melayu lain menjadi pemerhati sewaktu pengajaran dijalankan. Guru juga membuat renungan atau refleksi selepas pengajaran supaya dapat meningkatkan mutu pengajarannya. Guru menjadi



pemerhati semasa bengkel dijalankan oleh penulis supaya dapat menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan serta dapat meningkatkan ilmu pengetahuan sebagai pendidik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahan sastera kanak-kanak berkesan kerana telah meningkatkan keupayaan serta kemahiran menulis murid. Mereka telah dapat memahami aspek-aspek berkaitan dengan bahan yang digunakan yang dapat meningkatkan kemahiran menulis dan juga penguasaan bahasa mereka.

Kajian ini juga menggunakan strategi penilaian formatif dan strategi ini didapati berkesan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis murid. Alat penilaian formatif membantu menilai dan mengembangkan pembelajaran murid. Melalui penilaian sumatif pula, kemahiran berbahasa dan menulis murid telah meningkat. Strategi yang digunakan juga didapati berkesan dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru. Kaedah yang digabungkan dengan kaedah penilaian holistik ini memerlukan guru membuat penilaian dan pemantauan sendiri serta rakan sebaya ke atas murid melalui alat penilaian seperti senarai semak, rubrik dan borang refleksi untuk mencatatkan pencapaian dan perkembangan kelakonan murid. Hasil penilaian ini kemudian digunakan sebagai respon atau maklum balas yang akan membantu memperbaiki kelakonan mereka apabila pembelajaran seterusnya dijalankan.

Murid telah dapat menggunakan idea dengan lebih baik bagi latihan mengarang dan kaedah yang digunakan dapat mengembangkan kebolehan mereka untuk mengarang secara bertahap. Penggunaan bahan sastera selain bahan yang selalu digunakan telah menjadikan murid lebih bermotivasi untuk belajar Bahasa Melayu dengan lebih bersemangat. Hasil pembelajaran juga dapat dilihat apabila murid dapat melibatkan diri ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan serta dapat memberikan respon yang diharapkan lebih-lebih lagi semasa aktiviti-aktiviti seperti perbincangan, main peran serta berdrama dijalankan.



Kaedah ini selain menjadikan murid bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri, mereka juga menjadi sumber bagi rakan mereka ketika pembelajaran dijalankan. Situasi sedemikian dapat dilihat semasa pembelajaran dijalankan lebih-lebih lagi apabila guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dan menjalankan pembelajaran secara eksplisit dengan menyentuh aspek-aspek seperti penggunaan bahasa, perkembangan plot, pembinaan watak, pembangunan idea dan kreativiti serta penggunaan dialog dengan menggunakan teknik mengarang yang baik. Murid mencatat frasa serta kosa kata yang menarik di dalam buku khas yang dapat digunakan sebagai rujukan ketika mereka mengarang. Situasi ini menjadikan mereka murid yang berdikari semasa melalui proses pembelajaran.

Usaha sama antara guru dan penulis cerpen tempatan, Encik Roslie Sidik yang dijemput untuk menjalankan bengkel telah dapat dimanfaatkan guru serta murid memandangkan pengalaman serta perkongsian yang dilakukan dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran berbahasa serta menulis para pelajar. Encik Roslie Sidik juga merupakan seorang guru yang berpengalaman. Pelajar telah dapat memahami bagaimana hendak menggunakan serta memanfaatkan bahan sastera kanak-kanak dengan lebih baik bagi mengatasi kelemahan berbahasa serta menulis mereka dengan lebih berkesan.

Jadual 1 dan 2 menunjukkan data-data keputusan kelakonan murid yang telah terlibat dalam kajian ini melalui penilaian sumatif, iaitu Peperiksaan Akhir Tahun 2012 serta Peperiksaan Prelim 2013 bagi komponen karangan. Data diambil daripada markah ujian karangan semasa mereka di dalam darjah 5 (2012) dan apabila mereka menduduki ujian karangan peperiksaan prelim pada tahun berikutnya (2013). Jadual 3 pula menunjukkan perbezaan markah yang diperolehi murid bagi kedua-dua ujian mengarang.



Jadual 1: Keputusan ujian karangan murid bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2012

Markah Murid (Markah Penuh : 40)	Peratusan (SA2 P5 - 2012)	Bilangan Murid
40 – 31	10%	3
30 – 20	90%	27
18 – 0	0	0
	100	30

Jadual 2 : Keputusan ujian karangan murid bagi Peperiksaan Prelim 2013

Markah Murid (Markah Penuh : 40)	Peratusan (Prelim P6 - 2013)	Bilangan Murid
40 – 31	63%	19
30 – 20	37%	11
18 – 0	0	0
	100	30



Jadual 3: Perbezaan keputusan ujian karangan murid bagi SA2 (2012) dan Prelim (2013)

Perbezaan Markah Murid	Peratusan (SA2 - 2012)	Bilangan Murid
+11 hingga +7	23%	7
+6.5 hingga +5	23%	7
+4.5 hingga +3	20%	6
+2.5 hingga +1	27%	8
-4 hingga -0.5	7%	2
	100	30

Hasil kajian ini menunjukkan peningkatan yang ketara bagi murid yang terlibat. 50% murid telah dapat mencapai keputusan yang baik, iaitu mereka telah dapat memperolehi 30 markah pada Peperiksaan Prelim 2013 berbanding hanya 10% murid sahaja yang memperolehinya bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2012. Hanya 7% sahaja murid yang tidak menunjukkan peningkatan. Keputusan PSLE mereka pula menunjukkan pencapaian 97% bagi A* dan A bagi keputusan Bahasa Melayu. Keputusan ini menunjukkan bahawa murid telah dapat meningkatkan kemahiran berbahasa serta kemahiran menulis mereka.

Guru telah memberikan maklum balas yang positif dan memberangsangkan berkenaan kelakonan murid ketika pengajaran dijalankan dan mereka menunjukkan minat yang lebih mendalam dalam pembelajaran karangan dan Bahasa Melayu secara keseluruhannya walaupun terdapat murid yang lemah dan memerlukan bimbingan yang lebih kerap dan teliti. Mereka juga mempunyai motivasi yang tinggi semasa proses pembelajaran dijalankan.



KESIMPULAN

Kajian ini telah dapat membuktikan bahawa penggunaan bahan sastera kanak-kanak sebagai bahan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dan menulis murid dan secara tidak langsung memupuk minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kaedah dan strategi yang digunakan telah dapat menambah nilai pembelajaran mereka. Murid dapat memberikan perhatian yang lebih ketika berlakunya pembelajaran dan semasa aktiviti menulis dijalankan serta menghasilkan karangan yang berkualiti.

Pengajaran yang bersifat kreatif dan menyeronokkan telah terbukti dapat menarik minat murid untuk menguasai dan mendalami kemahiran berbahasa dan kebolehan menulis mereka dengan lebih berkesan. Guru telah dapat mendalami kemahiran pedagogi mereka dan lebih bersifat kreatif ketika pengajaran dijalankan. Mereka juga dapat mendalami pengetahuan mengajar kemahiran menulis dan ini menjadikan mereka lebih berkeyakinan.

Ternyata, objektif kajian ini telah tercapai dan berjaya dijalankan dengan berkesan. Perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid dapat dilihat. Pengajaran yang bersifat terancang dan teratur akan mencapai darjah kepuasan yang maksimum bagi murid dan juga guru. Oleh yang demikian, sebagai susulan, kaedah ini telah mula dijalankan di peringkat Darjah 1 hingga 4 juga selain peringkat Darjah 5 dan keseluruhan peringkat Darjah 6 yang telah dimulakan pada tahun 2014.

Bahan-bahan sastera kanak-kanak yang sesuai telah dipilih mengikut kesesuaian peringkat murid. Murid kelihatan teruja dan menunjukkan minat yang mendalam dengan penggunaan kaedah tersebut.

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

- Mainura Mawi
- Rita Zulkarnain Tahan



RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, Nik Faridah Nik Muhamad Affendi, Asiah Abdul Rahman (2011). *Sastera Melayu. Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn Bhd
- Charles A. MacArthur, Steve Graham, Jull Fitzgerald. *Handbook Of Writing Research*. New York : The Guilford Press
- Feldman D. H. (2003). *Cognitive Development in Childhood*. Tufts University, Eliot-Pearson Department of Child Development, Medford Massachusetts. History : Published online (15 April 2003) Retrieved October, 31 2014, from <http://books.google.com.sg/books>
- Hadijah Rahmat (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mok Soon Sang (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd
- Piaget J. (1969). *The Theory of Stages in Cognitive Development: An Address by Jean Piaget to the CTB/McGraw-Hill Invitational Conference on Ordinal Scales of Cognitive Development*, Monterey, California, February 9, 1969
- Vygotsky L. (1896 - 1934). *Social Development Theory*. Retrieved October 31, 2014, from <http://www.toolsofthemind.org/philosophy/glossary>
- Wan Abdul Kadir (2008). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- William D. (2011). *Embedded Formative Assessment*. United States of America: Solution Tree Press

